

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Pemulihan COVID-19

Kadar sembuh di Malaysia antara tertinggi di ASEAN

Jumlah kes aktif buat kali pertama kurang daripada 200, pesakit pulih 96.4 peratus

Oleh Rohaniza Idris dan Noor Atiqah Sulaiman
 bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kadar penyembuhan kes COVID-19 di Malaysia antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN, iaitu 96.4 peratus.

Selain itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar kematian di negara ini juga antara yang paling rendah di seluruh dunia, iaitu 1.41 peratus.

Katanya, tiada kes kematian disebabkan oleh COVID-19 di negara ini sejak 12 hari lalu.

"Hari ini genap 17 hari sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dilaksanakan bermula 10 Jun lalu. Sukacita (saya) ingin memaklumkan bahawa kes baharu COVID-19 harian sudah mencapai satu angka selama empat hari berturut-turut.

"Malah, kes harian penularan dalam negara dalam kalangan warganegara juga kurang daripada lima kes bagi enam hari berturut-turut. Justeru, jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 semakin menurun setiap hari," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehsangkitan COVID-19 buat pertama kalinya kurang daripada 200 kes sejak 18 Mac lalu.

Beliau berkata, jumlah kes aktif di negara ini hanya 191 kes dan ia dapat dicapai selepas 23 kes sembuh dicatatkan semalam.

Katanya, pertambahan jumlah

kes pulih dan menjadikan jumlah kumulatif kes pulih di negara ini sebanyak 8,294 kes atau 96.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), hanya enam kes baharu COVID-19 dicatatkan, iaitu lima kes daripada kes import iaitu mendapat jangkitan dari luar negara membabitkan empat warganegara Malaysia dan seorang bukan warganegara yang dibenarkan masuk atas urusan kerja.

"Empat individu berkenaan masing-masing dua kes dari Singapura, dan satu kes dari United Kingdom, Russia dan Thailand.

"Bagi satu kes penularan dalam negara pula iaitu warganegara Malaysia, individu itu dikesan positif COVID-19 selepas menjalani saringan kesihatan di tempat ker-

janya di Kuala Lumpur. Tiada penularan dalam negara dalam kalangan bukan warganegara dilaporkan pada hari ini (semalam)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini sebanyak dua kes positif COVID-19 sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dan tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, tiada pertambahan kes kematian disebabkan COVID-19 dilaporkan semalam dan jumlahnya kekal 121 kes bersamaan 1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, atas sebab itu kerajaan mengambil pendekatan untuk melaksanakan PKPP kerana itu sebahagian daripada tindakan pemulihan atau *soft landing* untuk menyediakan negara ini ke arah strategi keluar.

"Jika dilihat statistik seperti di atas, ia sememangnya membe-rangsangkan dan memberi keyakinan untuk lebih banyak pembukaan semula pelbagai sektor bagi mempertingkatkan ekonomi negara secara terusun.

"Pematuhan individu, syarikat dan komuniti kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan turut menyumbang kepada pencapaian ini.

"SOP ini disediakan dengan rundingan bersama pelbagai pemegang taruh supaya ia seimbang dan mengambil kira faktor keselamatan, rakyat, nyawa dan juga mata pencarian," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia atas kerjasama yang diberikan bagi membendung penularan jangkitan COVID-19.

"Namun demikian, suka diin-gatkan bahawa peperangan meng-




Masyarakat diminta untuk kekal berwaspada dan terus patuh kepada SOP dan saranan ditetapkan supaya kita dapat memutuskan rantaian penularan COVID-19.

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan

hadapi virus COVID-19 masih belum tamat.

"Masyarakat diminta untuk kekal berwaspada dan terus patuh kepada SOP dan saranan yang ditetapkan supaya kita dapat memutuskan rantaian penularan COVID-19," katanya.



Bekas pesakit COVID-19 jalani dua kajian susulan

Kuala Lumpur: Dua kajian susulan dilakukan Kementerian Kesihatan ke atas bekas pesakit COVID-19, iaitu antibodi badan pesakit atau ketahanan tubuh serta kerosakan paru-paru yang akan dilaksanakan untuk setiap tiga bulan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kajian kerosakan paru-paru itu dilaksanakan melalui kae-dah imbasan.

Katanya, kajian itu juga melihat kepada kategori dihadapi bekas pesakit ketika mereka dijangkiti COVID-19.

Kategori pertama adalah mereka yang dijangkiti tanpa gejala; kategori kedua - dijangkiti dengan bergejala; kategori ketiga - pesakit yang ada radang paru-paru tetapi tidak memerlukan oksigen; kategori keempat - pesakit dengan radang paru-paru dan memerlukan oksigen serta kategori kelima

- mereka yang memerlukan bantuan pernafasan.

"Kajian susulan jangka pendek dan panjang ini untuk melihat perkembangan dan perubahan keadaan bekas pesakit," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Noor Hisham menjelaskan kajian antibodi pesakit itu dilaksanakan kerana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mendapati antibodi bekas pesakit tidak dapat bertahan lama dan tiada

imuniti pasport.

Katanya, ada kajian lain di luar negara mendapati antibodi tidak dapat bertahan lama dan ketahanan tubuh mereka tidak kekal, selepas tiga bulan antibodi Immunoglobulin M (IgM) dan Immunoglobulin G (IgG) semakin berkurangan.

"Kajian di China menunjukkan 17 peratus bekas pesakit tiada imuniti atau ketahanan tubuh ketika jangkitan kedua dan sete-

rusnya," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, pesakit dibenarkan pulang akan diberi kaunseling termasuk langkah pencegahan jangkitan dan menjaga kebersihan.

"Jangkitan virus tiada ketahanan untuk jangkitan kedua. Apa yang penting kita perlu menjalankan kajian setiap tiga bulan, pengalaman dunia mengenai jangkitan ini hanya enam bulan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes aktif kini di bawah 200 kes

Kadar penyembuhan kes Covid-19 di Malaysia antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN

Oleh TUAN BUQHAIHAR
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Genap 17 hari pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) sejak dikuatkuasakan pada 10 Jun lalu, kes aktif wabak koronavirus (Covid-19) dan sedang dirawat di hospital kini di bawah 200 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdul

lah berkata, setakat ini pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan adalah sebanyak 191 kes.

Katanya, kes harian juga telah mencapai satu angka selama empat hari berturut-turut mulai 23 Jun.

"Malahan kes harian penularan di dalam negara dalam kalangan rakyat tempatan kurang daripada lima kes bagi enam hari berturut-turut," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, jika dibandingkan, kadar penyembuhan kes Covid-19 iaitu 96.4 peratus adalah di antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

"Selain itu, kadar kematian Covid-19 di negara ini juga merupakan di antara yang paling rendah di seluruh dunia iaitu 1.41 peratus," katanya.

Beliau turut memaklumkan, tiada kes kematian akibat pandemik itu dilaporkan sejak 12



DR NOOR HISHAM

hari yang lalu.

"Justeru, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 semakin menurun setiap hari," katanya.

Menurutnya, pendekatan kerajaan dalam implementasi PKPP adalah sebagai sebahagian daripada tindakan pemuliharaan (*soft landing*) iaitu untuk

menyediakan negara bagi strategi keluar (*exit strategy*).

"Jika dilihat statistik seperti di atas, ia sememangnya memberangsangkan dan memberi keyakinan untuk lebih banyak pembukaan semula pelbagai sektor bagi mempertingkatkan ekonomi negara secara tersusun," katanya.

Tambahnya, pematuan individu, syarikat dan komuniti kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan telah turut menyumbang kepada pencapaian tersebut.

"SOP ini disediakan dengan rundingan bersama pelbagai pemegang taruh agar ia seimbang iaitu dengan mengambil kira faktor keselamatan rakyat, nyawa dan juga mata pencarian," katanya.

Beliau berkata, peperangan menghadapi virus Covid-19 masih belum tamat.

"Masyarakat disarankan agar kekal berwaspada dan te-

rus patuh kepada SOP serta saranan yang ditetapkan agar kita dapat sama-sama memutuskan rantaian penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia," katanya.


Sementara itu, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak enam kes baharu direkodkan di Malaysia semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 adalah sebanyak 8,606 kes.

Menurutnya, lima daripadanya merupakan kes import dan satu penularan tempatan.

Beliau berkata, terdapat 23 kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj semalam menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya daripada Covid-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak 8,294 kes.

"Kes kematian Covid-19 kekal pada 121 kes selepas tiada kes baharu dilaporkan hari ini (semalam)," kata Dr Noor Hisham.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

Covid-19: Current situation globally

(As of 7pm June 26, 2020)

Malaysia

New cases

6

Total cases

8,606

Total deaths

121

Total recovered

8,294

Asean+	China	Indonesia	Singapore	Philippines	Japan	S. Korea	Thailand	Vietnam	Myanmar	Brunei	Cambodia	Laos
Confirmed cases	83,462	51,427	42,955	34,073	18,110	12,602	3,162	352	293	141	130	19
Deaths	4,634	2,683	26	1,224	968	282	58	0	6	3	0	0
Recovered	78,439	21,333	36,604	9,182	16,320	11,172	3,040	329	211	138	127	19

Global Top 10	US	Brazil	Russia	India	UK	Spain	Peru	Chile	Italy	Iran
Confirmed cases	2,504,676	1,233,147	620,794	491,992	307,980	294,566	268,602	259,064	239,706	215,096
Deaths	126,785	55,054	8,781	15,319	43,230	28,330	8,761	4,903	34,678	10,130
Recovered	1,052,389	673,729	384,152	286,019	N/A	N/A	156,074	219,327	186,725	175,103

**Royal visit**

Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sharing a light moment with Sekolah Menengah Kebangsaan Danau Kota students during a visit to the school. — Bernama

Sarawak records second rabies death this year

KUALA LUMPUR: A second fatality from rabies this year in Sarawak was recorded after a 62-year-old man from Sibu died on Tuesday.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this brought the cumulative number of rabies cases in the state to 24, including 23 deaths, since the rabies epidemic was declared on July 1, 2017.

Dr Noor Hisham said the victim was bitten by a dog when he visited a relative's home in Jalan Sentosa Barat, Sibu, on May 12.

The deceased had cleaned the wound with soap and water for 15 minutes before getting treatment at a health facility.

"However, he did not go back to the facility to get the anti-rabies vaccine injection.

"On June 16, he started to feel weakness in his leg and suffered constipation.

"On June 19, he was referred to

Sibu Hospital for further treatment and was warded the same day.

"The patient died at 7pm on June 23 while under intensive specialist care at the hospital, and the cause of death was rabies," he said.

Dr Noor Hisham said the rabies infection was confirmed by a laboratory test conducted by the Institute of Medical Research on Thursday.

He advised the public, especially people in Sarawak, to always take preventive measures if they were bitten, including cleaning wounds with running water and soap for 15 minutes to remove the effects of saliva and to get immediate treatment.

Dr Noor Hisham also urged the public to obey the instructions of the authorities so that Sarawak can be rabies-free.

The first rabies case this year was a five-year-old girl who died in Sibu on March 26. — Bernama

Education is the key, say experts

Informing the masses and collective effort needed to stop second wave of cases

By LOH FOON FONG
foonfong@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: The potential for the re-emergence of Covid-19 is always there, even if the country starts recording zero cases next month, say experts.

While they believe the clusters are likely to be small, they emphasise that widespread education is needed to prevent a second wave of cases.

Malaysian Health Coalition member Datuk Dr Amar Singh said the re-emergence of Covid-19 depended on how Malaysia managed its borders.

"This depends on how early we open our borders," he said, adding

that the lifting of social distancing measures for civil aviation and public transport posed major risks, along with resumption of religious meetings, schools and universities.

On Thursday, Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysia could expect to see zero Covid-19 cases by mid-July if everyone adhered to the standard operating procedure (SOP) and advisories.

"On medical tourists coming to Malaysia, Dr Amar said those from "green bubble" countries should be allowed but authorities need to impose a stricter SOP on those from non-green bubble countries.

"The medical tourists and accompanying individuals must be closely



monitored and will be allowed to enter for a certain period of treatment," he said, adding that the screening cost must be borne by the medical tourists, who are mostly from Britain, Indonesia, the

Philippines, Japan, Australia, China and India, or their insurance companies.

Other than imposing punitive measures to curb irresponsible behaviour, he said more community-based initiatives must be rolled out to educate community leaders.

"It's difficult to impose strict laws on individuals who do not follow the cough/sneeze etiquette and mask-wearing, so social consciousness must be high and people must remind one another," he added.

Former Health director-general Tan Sri Dr Ismail Merican said there was always concern that there could be a resurgence given asymptomatic cases, the lack of discipline of some people and the casual atti-

tude of many businesses.

"The cough and sneeze etiquette must continue as a routine, along with measures such as cleanliness and social distancing," he said, adding that education of the masses and collective effort was key in preventing a resurgence.

On allowing foreigners here for health tourism, Dr Ismail said that should be fine as long as hospitals continued to uphold a high degree of vigilance.

"We cannot close our borders forever. So, we need to prioritise countries that have shown strong commitment to control the pandemic. This is not (only) a Malaysian problem, but every country's problem," he added.

Health DG praises Malaysians for country's success

By JOSEPH KAOS Jr
and RAHIMY RAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia continues to record single digits in its daily Covid-19 cases for the fourth day running, with only six latest infections reported.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said five of the six new infections were import cases, which meant the number of local transmission cases among Malaysians was fewer than five for six consecutive days.

With the positive figures, the Health Ministry has commended the Malaysian public for their con-

tribution in controlling the spread of Covid-19.

"The recovery rate of Covid-19 cases in Malaysia (96.4%) is among the highest within Asean countries. In addition, the Covid-19 mortality rate in Malaysia is also among the lowest in the world (1.41%).

"No Covid-19 deaths have been reported in the past 12 days. The number of active and infective Covid-19 cases has been steadily decreasing daily.

"For the first time since the movement control order (MCO) came into force, there are now fewer than 200 active cases today.

"The ministry would like to congratulate all Malaysians for their

cooperation with the government for this achievement in the joint efforts to control the transmission of Covid-19 infection," Dr Noor Hisham said at the ministry's Covid-19 press briefing yesterday.

Dr Noor Hisham also said that patients who had recovered from Covid-19 would have to go through follow-up treatment every three months, as there was no evidence to suggest the presence of antibodies could serve as an "immunity passport".

The ministry is conducting short-term and long-term studies on those who had been allowed to return home based on various categories.

"We want to know if there is any

damage to the lungs. We will do a follow-up treatment every three months to check whether there are any changes in their lungs through scanning," he added.

He also noted that during the check-up every three months, the ministry wants to study the presence of antibodies of those who have been discharged.

"If we look at the other studies, and not ours, it will not remain long.

"We were informed that the antibodies will reduce, and do not last after eight weeks," he said.

Dr Noor Hisham also said Malaysia was not in a rush to reopen its borders to "green states" as

it needed to monitor the Covid-19 situation better.

With a recent rise in the number of import cases, he agreed that there was concern about lifting border restrictions too soon.

"We need to discuss this matter thoroughly with the other countries.

"We have not come up with a conclusive plan or strategy yet. At the moment, it is still early and we have not set a date (on when borders can be reopened). What's more important is that we monitor the situation in the other countries.

"At the same time, we also want to strike a balance between life and livelihood," he added.